


Headline **PASB Bimbing Usahawan Kambing**
 Date **06. Jun 2008**
 Media Title **Utusan Malaysia**
 Section **Supplement**
 Circulation **238082**
 Readership **833287**

Language **MALAY**
 Page No **11**
 Article Size **867 cm²**
 Frequency **Daily**
 Color **Full Color**



PASB bimbing usahawan kambing

Peta ke Banghuris Homestay di Sepang Selangor.



NORDIN Mat antara tokoh penggerak PASB.



UTUSAN Malaysia dan sisipannya, Mega, sekali lagi berganding bahu dengan rakan strategiknya, Agro Bank dan Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC), Universiti Putra Malaysia

menganjurkan Bengkel Usahawan Kambing pada 14 dan 15 Jun ini.

Bengkel yang diadakan di Homestay Banghuris, Sepang, Selangor itu, merupakan yang pertama diadakan melibatkan ketiga-tiga pihak bertujuan memberi pengetahuan mengenai aspek perternakan kambing yang kini semakin mendapat sambutan.

Pada bengkel kali ini, rakan strategik baru iaitu Perfect Agro Sdn. Bhd. (PASB) akan turut sama membantu memberi bimbingan kepada peserta.

PASB memulakan projek pada Mac 2004 di Kampung Tebuk Permatang Raja Pantai Remis, Perak dengan 500 ekor kambing dalam kandang seluas 5,000 kaki persegi.

Selain itu, turut didirikan sebuah stor, rumah pekerja dan kilang memproses baja Bio Komp di situ.

PASB juga terkenal sebagai perternak kambing baka kacukan Boer, dengan 120 ekor induk dengan empat ekor pejantan diteranak sebagai percubaan.

Dalam tempoh setahun operasi kandang seperti penjagaan, makanan, pembiakan, kelahiran, dan pemasaran berjaya dilaksanakan membolehkan 200 ekor dilahirkan.

Ladang integrasi kambing, lembu dan jagung manis di Baling, Kedah

Kejayaan di Pantai Remis telah



TERNAKAN kambing kini dipromosi secara hebat oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.



mendorong kepada pembukaan ladang integrasi di tanah sawah terbari seluas 50 ekar di Baling, Kedah.

Secara integrasinya, hasil jualan jagung manis ini dapat menampung kos operasi perternakan. Batang jagung dijadikan makanan ternakan, manakala bahan buangan ternakan digunakan semula di ladang jagung.

Perternakan kambing di sini lebih fokus kepada baka Boer iaitu bagi induk dan penjantan bagi menghasilkan anak kambing bermutu tinggi.

Ladang ini mampu memuatkan sehingga 2000 ekor lembu dan 500 ekor kambing.

Pusat jualan kambing Kajang, Selangor

Kandang yang mula beroperasi pada Januari 2006 ini bertujuan meneroka pasaran kambing di sekitar Lembah Klang dan merupakan kandang yang agresif dengan jualan 100 ekor sebulan.

Antara jenis kambing yang terdapat di sini ialah Feral, bebiri Merino, Katjang, Boer, dan pelbagai jenis kacukan.

Sasarannya ialah untuk tujuan akikah, kenduri dan penyajian makanan serta aktiviti keagamaan kaum India dan Cina.

Kandang transit

Lokasinya yang strategik dan kemudahan Mas Kargo KLIA digunakan setiap kali pengimportan kambing dari Australia.

Ini memudahkan urusan pengedaran dan transit kambing ke PASB.

Aktiviti pengimportan kambing

PASB mula mengimport kambing dari Australia pada Disember 2005.

Pada Disember 2006, jumlah kambing dari Australia terutamanya Perth, Melbourne, Brisbane, Sydney mencapai 9,000 ekor dan menjadikan PASB pengimport kambing baka Boer terbesar di Malaysia. manakala import dari Indonesia pula adalah dari jenis Jamnapari.

Kambing yang diimport oleh PASB:

- Boer kacukan dan tulen.
- Feral untuk korban dan akikah.
- Bebiri Merino untuk korban dan akikah.
- Kalahari.
- Saanen.
- Tonggenburg.
- Anglo Nubian.
- British Alpine.
- Jamnapari kacukan.
- Peranakan Ettawa.

Bengkel usahawan kambing

Maklumat Kursus

- Tempat: Banghuris Homestay, Sepang, Selangor.
- Tarikh: 14 hingga 15 Jun 2008 (Sabtu dan Ahad)
- Anjuran Bersama: Mega, Utusan Malaysia Perfect Agro Sdn Bhd, Agro Bank dan APEC, UPM.

Maklumat lanjut urus setia Bengkel Usahawan Kambing MEGA-Utusan Malaysia:

- Bengkel Usahawan kambing MEGA-Utusan. Kompleks Sri Utusan, Lot 6, Jalan P/10, Kawasan Perusahaan Bangi Seksyen 10, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

Pembayaran bengkel secara tunai, perlu melalui urus setia program dengan menghubungi :

- Faris 012-3417112
- Rosli 012-2846811
- Sopian 017-8725716